

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**

**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA**

**MAJLIS PELANCARAN  
KEMPEN TAHUN BARU CINA 'ONG MALI 2019'**

**3 JANUARI 2019**

**TESCO KEPONG, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

## **SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Sri Jamil bin Salleh**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan  
Kepenggunaan**

**Mr. Paul Ritchie**

**Ketua Pegawai Eksekutif, Tesco Malaysia**

**Puan Azliza Baizura Azmel,**

**Pengarah Khidmat Korporat, Tesco Malaysia**

**Ketua-Ketua Agensi, Pengarah-Pengarah Bahagian  
Dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian,**

**Pihak pengurusan, warga kerja, para pelanggan Tesco,  
Rakan-rakan media, Tuan-tuan dan Puan-puan**

Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama Tesco Malaysia untuk melancarkan kempen sempena Tahun Baru Cina yang bakal menjelang tidak lama lagi iaitu **'Ong Mali 2019'**.

Saya teruja kerana dapat bersama-sama pihak pengurusan serta para pelanggan Tesco Kepong pada hari ini untuk melancarkan kempen "Ong Mali". Saya difahamkan terdapat pelbagai promosi barangan keperluan harian, pakaian dan makanan segar yang ditawarkan selama tempoh kempen yang berlangsung serentak dari **3 Januari hingga 6 Februari 2019** di 57 buah pasaraya Tesco seluruh negara.

Saya difahamkan bahawa pada tahun ini Tesco akan menampilkan kempen "Ong Mali" yang amat menarik dengan pelbagai promosi dan di dalam kempen Tahun Baru Cina ini. Jadi, saya pasti para pelanggan Tesco berpeluang untuk berjimat semasa membuat persediaan menyambut hari perayaan Tahun Baru Cina.

**Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang terhormat  
sekalian,**

Tugas Kementerian adalah untuk memastikan bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang munasabah, terutamanya pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina ini. Ini boleh dicapai dengan amalan perniagaan beretika di pihak pasar raya dan juga berbelanja oleh pengguna yang bijak.

Kami di Kementerian sentiasa memantau harga barangan basah seperti ayam, dan kami dapati di Tesco harga ayam adalah kekal pada **RM5.99 sekilo** sejak Ogos 2016. Kami difahamkan harga yang dikekalkan selama lebih setahun ini merupakan satu tempoh yang panjang dan memakan nilai pelaburan yang tinggi dari pihak pasar raya.

Ini merupakan satu inisiatif yang amat baik oleh Tesco dalam membantu pengguna menguruskan perbelanjaan harian. Saya pasti semua isi rumah membeli ayam hampir

setiap minggu. Harga yang ditetapkan pada kadar yang rendah ini pasti membantu mereka dalam menjimatkan pengurusan kewangan seharian.

Tesco juga menawarkan pelbagai barangan jenama Tesco pada harga yang rendah dengan kualiti yang baik setanding jenama nasional yang lain. Ini merupakan satu alternatif yang terbaik kepada para pengguna yang membeli belah di Tesco.

Dari barangan makanan, pakaian, keperluan peribadi, alatan memasak, mencuci dan menghias adalah lebih 80% barangan dihasilkan oleh pengusaha SME tempatan. Dengan permintaan yang berterusan, barangan jenama Tesco dapat membantu pengguna berjimat ketika berbelanja, sekaligus membantu pengusaha-pengusaha SME tempatan untuk terus maju.

Tesco sentiasa membuat pelaburan harga untuk menawarkan harga yang berpatutan kepada pelanggan

mereka. Dengan kekuatan perniagaan mereka yang kukuh dan kuantiti yang besar, Tesco dapat menawarkan harga rendah untuk barangan keperluan yang berkualiti.

Tesco turut berusaha untuk memastikan inflasi harga adalah pada kadar minimum ketika musim perayaan. Oleh itu saya ingin mengucapkan syabas kepada Tesco Malaysia kerana membawakan kempen Tahun Baru Cina untuk membolehkan para pelanggan mereka berjimat semasa membuat persiapan menghadapi musim perayaan.

Saya ingin menggalakkan supaya pengguna bijak memilih dan membuat perbandingan. Kos sara hidup yang tinggi hanya andaian umum dan sekiranya pengguna tidak bijak memilih dan membuat perbandingan harga serta mencari alternatif yang lebih berpatutan, pengguna yang rugi dan terpaksa berbelanja lebih dari peruntukan harian. Guna kuasa dan kebijaksanaan masing-masing dalam berbelanja dan menguruskan perbelanjaan keluarga anda bagi

memastikan kos sara hidup terkawal dalam lingkungan pendapatan anda.

### **Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Menjelang musim perayaan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia untuk mengelakkan pembaziran ketika berbelanja. Beli apa yang anda perlukan kerana pembaziran akan merugikan anda dan menjejaskan alam sekitar kita. Makanan atau barangan yang dibuang akan terus ke pusat pembuangan sampah yang kini semakin penuh.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tesco juga kerana Tesco merupakan pasar raya yang paling awal menganjurkan program sumbangan makanan lebihan dengan kerjasama **Food Aid Foundation dan Kechara Soup Kitchen.**

Ini merupakan satu inisiatif yang amat baik kerana bukan sahaja ia tindakan yang mulia malah membantu mengurangkan lebihan makanan yang dibuang ke pusat pembuangan sampah. Ini secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan kos sara hidup bagi penerima yang kebanyakannya terdiri daripada golongan B40.

Saya difahamkan bahawa sejak program ini dilancarkan pada tahun 2016, Tesco telah menderma lebih 2 juta hidangan makanan (*2 million meals*) kepada Program Sumbangan Lebihan Makanan melalui Rakan Amal mereka. Tahniah bagi semua yang terlibat.

**Pada hadirin yang dihormati sekalian,**

Pada hari ini, saya juga berbesar hati untuk melancarkan **Program Charity Food Box** yang dianjurkan oleh Tesco bagi membantu golongan yang memerlukan. Menerusi program ini, Tesco akan memberi peluang kepada para pelanggan Tesco untuk menderma barangan makanan



kepada mereka yang memerlukan dengan membeli kotak makanan amal atau Charity Food Box ini untuk membantu golongan yang memerlukan.

Sekiranya anda ingin membuat sumbangan, ini lah peluang dan ruang untuk anda untuk melakukannya. Di samping kita membuat persediaan perayaan, jangan lah kita lupakan mereka yang kurang bernasib baik dan memerlukan.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada Tesco Malaysia dan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke majlis yang cukup bermakna ini dan Selamat Tahun Baru 2019 kepada semua tetamu dan rakan media yang hadir pada hari ini.

Saya harap Kempen '**Ong Mali 2019**' oleh Tesco ini akan berjaya dan dapat dimanfaatkan oleh semua pelanggan Tesco.

Sekian dari saya, terima kasih.